

13 AUG, 2024

AIS, BATU, SYABU, SEJUK PALING RAMAI KETAGIH

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 3

Oleh Raja Noraina Raja
Rahim dan Muhaamad
Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Methamphetamine terus menjadi antara dadah pilihan utama di Asia Timur dan Asia Tenggara termasuk Malaysia menyebabkan bahan terlarang itu terus cuba diseludup ke negara ini untuk dijual di pasaran gelap. Sindiket pengedaran dadah juga dikesan menjadikan Malaysia sebagai negara transit bagi penyeludupan dadah ke negara-negara jiran.

Methamphetamine atau dipanggil 'ais', syabu, 'sejuk', 'batu' oleh pengedar dadah dan penagih masih menjadi antara dadah yang mendapat permintaan tertinggi. Dadah jenis itu juga menjadi antara dadah yang tertinggi dirampas pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Mereka yang ketagih kepada dadah itu akan mengalami kesan serta-merta seperti khayal, tidak mengantuk, tidak lapar ataupun letih tetapi lama-kelamaan menyebabkan kebergantungan berpanjangan sehingga mengganggu fungsi sosial di dalam masyarakat.

Ketua Pengarah JKDM Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, berdasarkan kepada rekod JKDM pada 2023, sebanyak 442 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM372.14 juta memabitkan 9,954.73 kilogram (kg) dadah pelbagai jenis berjaya dirampas.

Menurutnya, sebanyak 166 kes pula berjaya direkodkan setakat Mei tahun ini dengan nilai rampasan sebanyak RM57.86 juta.

"Berdasarkan data rampasan dan tangkapan Bahagian Penguatkuasaan JKDM, berat dan nilai dadah jenis methamphetamine yang berjaya dirampas pada tahun 2023 adalah seberat 670.15kg dengan nilai RM23,882,719.55.

"Pada 2024 pula, sehingga 31 Julai

adalah seberat 1,850.70kg dengan nilai sebanyak RM62,304,007.00," katanya secara eksklusif kepada Harian Metro.

Menurut Anis, jumlah keseluruhan rampasan dan tangkapan dadah jenis methamphetamine bagi 2023 dan 2024 (sehingga 31 Julai) adalah sebanyak 176 kes seberat 7,585.98kg dengan nilai RM118,828,228.23.

"Antara modus operandi yang sering digunakan sindiket dadah adalah membuat pengiklanan komoditi tidak betul dan menggunakan maklumat pengeksport palsu," katanya.

Anis berkata, sindiket itu juga akan menggunakan perkhidmatan penghantaran kurier bagi tujuan pengedaran dadah tanpa meletakkan nama dan alamat penuh pengirim.

"Mereka (sindiket) juga akan menyeludup dadah secara sembunyi menggunakan kontena sejuk beku untuk mengaburi pihak berkuasa.

"Modus operandi yang sering digunakan oleh penjenayah penyeludupan ini akan sering bertukar bagi mengelirukan pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun, taktik yang digunakan masih tetap dapat dihidu oleh pegawai JKDM bagi mengekang aktiviti penyeludupan ini.

"JKDM sentiasa berusaha untuk mengekang jenayah penyeludupan daripada terus berleluasa.

"Selain itu, beberapa pelan tindakan dan perancangan JKDM sudah dijalankan bagi memperkasakan jabatan dari aspek pentadbiran dan penguatkuasaan antaranya melalui penerapan nilai Cekap, Tangkas dan Integriti (CTI) kepada seluruh warga JKDM bagi meningkatkan efisiensi dan kecekapan proses pentadbiran serta memperkukuhkan nilai integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam perkhidmatan.

"Tambahan, JKDM

AIS, BATU, SYABU, SEJUK PALING RAMAI KETAGIH

Kastam rekod rampasan
RM372 juta pelbagai
jenis dadah pada 2023



JKDM sentiasa berusaha mengekang jenayah penyeludupan.

sering bekerjasama dalam menyalurkan perkongsian maklumat perisikan dan operasi antarabangsa, sebagai contoh perkongsian maklumat bersama Polis Antarabangsa (Interpol), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC), Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO) dan sebagainya bagi menjaga pintu keluar masuk negara," katanya.

Menurutnya, arahan mengimbas 100 per

digunakan oleh JKDM ini berupaya mengenal pasti barangan yang diimbas dalam masa 20 hingga 30 saat dengan ketepatan 100 peratus," katanya.

Menurutnya, sebanyak tujuh unit mesin pengimbas di pintu keluar lapangan terbang antarabangsa utama, iaitu lima unit di Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sejak 10 Januari lalu.

Katanya, dua lagi ditempatkan di Terminal 2 KLIA sejak 2 Februari lalu.

"Mesin pengimbas yang dilengkapi teknologi AI yang

ANTARA RAMPASAN
METHAMPHETAMINE
TERBESAR DICATATKAN
JKDM:

5 JULAI 2024

JKDM menumpaskan sindiket pengedaran dadah dengan merampas methamphetamine cap 'kod QR' seberat 273 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM8.7 juta.

Isa susulan pemeriksaan dilakukan Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM terhadap sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) di tepi jalan dekat Bandar Puteri Puchong. Selangor kira-kira jam 10.45 pagi.

20 MAC 2024



"Methamphetamine berjaya dirampas pada tahun 2023 adalah seberat 670.15kg
Anis Rizana

"Mesin pengimbas yang dilengkapi teknologi AI yang



13 AUG, 2024

AIS, BATU, SYABU, SEJUK PALING RAMAI KETAGIH

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 3

APA ITU METHAMPHETAMINE?

Nama lain: Meth, kristal, syabu, ais.

Bentuk: Boleh berupa kristal, serbuk putih, tidak berbau yang berasa pahit.

Cara pengambilan: Seseorang biasanya mengambil secara mulut, merokok, menghidu, melarut dalam air atau alkohol dan menyuntik ke dalam badan dengan dos berulang.

Kesan pengambilan:

- Bahan ini boleh membawa kepada tahap dopamin tinggi dalam otak yang boleh mencetuskan ganjaran, motivasi, rasa keseronokan dan fungsi motor.
- Perangsang untuk meningkatkan aktiviti fizikal, penurunan selera makan, peningkatan pernafasan, kadar denyutan pesat, degupan jantung tidak teratur, peningkatan tekanan darah dan peningkatan suhu badan.
- Masalah pergigian yang serius dan luka kulit yang dicetuskan oleh menggaru jika methamphetamine digunakan dalam jangka panjang.
- Risiko mengidap penyakit berjangkit seperti HIV, hepatitis B dan C.

Kesan sampingan:
Degupan jantung cepat, berdebar, pening, pengsan, gangguan perasaan, khayal, penglihatan kabur, berdengung telinga, kebimbangan, kekeliruan, sakit dada, sesak nafas, insomnia, sawan, gegaran dan kegelisahan.

Penggunaan yang salah boleh menyebabkan kematian secara tiba-tiba dan kerosakan kardiovaskular serius.

INFOGRAFIK Metro

Sindiket pengedaran dadah antarabangsa menyalahgunakan maklumat syarikat pengeluaran cakera keras dan mengisytiharkannya sebagai cakera keras magnetik untuk mengeksport bahan terlarang itu ke luar negara.

Bagaimanapun, modus operandi itu tidak berjaya apabila JKDM berjaya menumpaskan sindiket berkenaan dengan merampas dadah jenis methamphetamine seberat 380 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM12.54 juta.

4 SEPTEMBER 2023

JKDM merampas 51.36 kilogram (kg) methamphetamine bernilai RM1.7 juta yang cuba diseludup ke Australia dalam serbuan di sebuah gudang di Pelabuhan Klang, Selangor.

Dalam serbuan kira-kira jam 12.45 tengah hari, JKDM menyita enam kotak dengan lima daripadanya berisi bungkusan plastik lut sinar mengandungi serbuk kristal putih disyaki dadah berbahaya.

26 JULAI 2023

JKDM Zon Tengah (Unit III) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang di Selangor mematahkan cubaan menyeludup keluar dadah jenis methamphetamine dan MDMA seberat 67 kilogram (kg) bernilai lebih RM3.2 juta.

Anggota Cawangan Eksport menahan sebuah lori untuk pemeriksaan di bahagian kargo KLIA pada 1.0 tengah hari sebelum berjaya membongkar kegiatan itu.

31 OGOS 2021


Seorang Datuk antara yang ditahan JKDM selepas cuba menyeludup keluar dadah jenis methamphetamine yang dianggarkan bernilai RM14.4 juta di Kompleks Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang di Selangor.

Dalam serbuan kira-kira jam 4 pagi itu, sindiket itu dikesan membungkus dadah seberat 400 kilogram (kg) dalam bungkusan teh dan mengikrarkan sebagai troli barang.

16 OGOS 2021

Sorok dadah syabu bernilai RM6.6 juta dalam perkakasan dapur elektrik sebelum cuba dieksport ke luar negara.

Taktik digunakan sindiket pengedaran dadah antarabangsa ketika cuba menghantar keluar dadah seberat 184 kilogram (kg) sebelum ditumpaskan JKDM.



13 AUG, 2024

AIS, BATU, SYABU, SEJUK PALING RAMAI KETAGIH

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

P utrajaya Methamphetamine terus menjadi antara dadah pilihan utama di Asia Timur dan Asia Tenggara termasuk Malaysia menyebabkan bahan terlarang itu terus cuba diseludup ke negara ini untuk dijual di pasaran gelap.Sindiket pengedaran dadah juga dikesan menjadikan Malaysia sebagai negara transit bagi penyeludupan dadah ke negara-negara jiran. Methamphetamine atau dipanggil ‘a i s’, syabu, ‘sejuk ’, ‘b a t u’ oleh pengedar dadah dan penagih masih menjadi antara dadah yang mendapat permintaan tertinggi.